

23 FEB 1997

DAP SOKONG SARANAN PM SUPAYA PELAJAR SEKOLAH JANGAN DIGARI

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- DAP bersetuju sepenuhnya dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pelajar sekolah tidak perlu digari.

Setiausaha publisiti parti itu Encik Wee Choo Keong hari ini berkata polis sebaliknya harus cukup sensitif dalam kes-kes melibatkan pelajar sekolah dan kebajikan serta masa depan mereka haruslah diberi keutamaan.

DAP juga berharap polis tidak menggari seseorang sebaik mereka ditangkap atau didakwa di mahkamah kecuali jika pihak berkuasa berpuashati orang yang terlibat berbahaya atau didakwa dengan kesalahan serius, katanya dalam satu kenyataan.

Katanya tidak dinafikan bahawa orang awam telah digari kerana kesalahan trafik atau tidak hadir di mahkamah untuk menghadapi tuduhan kesalahan lalulintas.

Pihak berkuasa terutama polis harus sedar bahawa kerajaan dan masyarakat melayani anak-anak sebagai golongan istimewa.

Wee, yang juga Timbalan Pengerusi DAP berkata polis harus menyedari bahawa anak-anak muda kadang-kadang kurang bijak dan mereka tidak harus dibiarkan merasakan bahawa memandangkan mereka telah ditangkap, bermakna mereka ini penjenayah, dan masyarakat akan mengetepikan mereka.

Katanya anak-anak muda ini harus diberi perhatian semua sektor masyarakat sebagai pemimpin hari esok. -- BERNAMA

ARA RON